

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 08 APRIL 2018 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Membudayakan sains, teknologi dan inovasi dalam pembangunan modal insan negara	BERNAMA
2.	Farmasia dan NDKare rawat luka diabetes	Mingguan Malaysia

**Membudayakan sains, teknologi dan inovasi dalam
pembangunan modal insan negara**



DATUK SERI WILFRED MADIUS TANGAU

Berikut adalah artikel perspektif Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau bersempena Minggu Sains Negara 2018 bertemakan 'Negaraku Berinovasi' yang berlangsung di seluruh negara selama seminggu.

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Minggu ini adalah minggu yang amat bermakna buat **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** kerana buat julung-julung kalinya MOSTI dapat menganjurkan Minggu Sains Negara yang berlangsung pada 1 hingga 7 April 2018.

Lebih membanggakan, **Minggu Sains Negara 2018** yang disambut dengan tema 'Negaraku Berinovasi' ini turut diraikan oleh para saintis, penyelidik, guru, pelajar dan masyarakat secara serentak di seluruh negara.

Sebagaimana yang telah diputuskan oleh Kabinet, Minggu Sains Negara akan disambut pada minggu pertama April setiap tahun dan menjadi agenda utama kerajaan dalam membudayakan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam kalangan masyarakat.

Minggu Sains Negara diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap peranan sains dan kepentingannya kepada kesejahteraan sosioekonomi negara. Penganjuran Minggu Sains Negara ini juga merupakan satu inisiatif khusus untuk menyemarakkan gerakan sains kebangsaan secara menyeluruh dan melibatkan kerjasama semua negeri agar program kesedaran dan pembudayaan STI secara bersepadu dapat dilaksanakan secara besar-besaran.

Pengisian Minggu Sains Negara dipenuhi dengan aktiviti seperti pameran, forum, ceramah, pertunjukan dan permainan sains yang dapat menarik minat pelajar mengikuti bidang sains. Penganjuran Minggu Sains Negara ini adalah selari dengan sambutan Hari Sains Sedunia yang dianjurkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) semenjak tahun 2002.

Penganjuran Minggu Sains telah diamalkan di beberapa buah negara maju seperti United Kingdom, Norway dan Kanada, manakala negara-negara seperti India dan Thailand memperuntukkan satu hari bagi sambutan Hari Sains.

Pemilihan tema 'Negaraku Berinovasi' bagi sambutan Minggu Sains Negara 2018 adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan satu gerakan melibatkan segenap lapisan masyarakat untuk berfikir, bertindak dan melahirkan daya cipta baharu melalui pengaplikasian STI bagi menghasilkan faedah bagi dinikmati oleh semua.

Negaraku Berinovasi ini bukanlah gerakan yang dapat dijayakan dalam tempoh sehari, seminggu, sebulan ataupun setahun, tetapi memerlukan masa untuk dipupuk dan disemai dalam diri setiap rakyat Malaysia sehingga kita berjaya membudayakan inovasi dalam segenap aspek kehidupan.

Ke arah itu, pembudayaan inovasi perlu dimulakan dengan penghayatan ilmu dan pengalaman dalam usaha merangsang gaya pemikiran kreatif. Penghayatan ilmu dan pengalaman ini seterusnya diterjemahkan dalam bentuk amalan agar menjadi tabiat yang baik dalam kehidupan seharian.

"Kita perlu sentiasa meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan STI kerana penyelesaian kepada isu dan cabaran masa hadapan banyak bergantung kepada kemajuan STI dan sejauh mana kita menguasai teknologi tersebut. Kita perlu bersedia menghadapi cabaran yang dipengaruhi oleh ledakan teknologi disruptif."

Untuk itu, kita perlu membangunkan masyarakat yang berliterasi saintifik serta membudayakan STI dalam setiap dimensi kehidupan. Namun, berdasarkan Kajian Kesedaran Awam Terhadap STI 2014 yang dijalankan oleh MOSTI, didapati bahawa tahap minat rakyat Malaysia terhadap STI masih rendah berbanding dengan negara seperti Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah.

Oleh itu, MOSTI akan terus berusaha dan merangka pelbagai program kesedaran STI bagi meningkatkan lagi minat dan kesedaran STI agar setanding dengan negara-negara maju.

Bersempena dengan sambutan Minggu Sains Negara 2018 ini juga, YAB Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menerusi perkongsian di Facebook beliau menyeru agar setiap lapisan masyarakat terutamanya para pelajar dan generasi muda untuk memupuk minat dan mengutamakan sains.

Beliau turut menyeru agar para pengajar dan guru menjadikan mata pelajaran tersebut sebagai sesuatu yang menarik dan mudah diikuti serta menyeru ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak meminati sains dan matematik.

Hal ini adalah kerana, beliau percaya melalui pendekatan ini, kita mampu menyediakan lebih ramai tenaga kerja yang berkaliber dan berkemahiran dalam menyahut cabaran perubahan teknologi industri 4.0 dan era perubahan industri generasi keempat atau The Fourth Industrial Revolution.

Merujuk pada perkongsian YAB Perdana Menteri itu, kita perlu akui bahawa dunia hari ini sedang berhadapan dengan gelombang Revolusi Industri Keempat yang amat bergantung kepada kemahiran dan penguasaan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Sekiranya kita tidak menguasai STEM, kita akan ketinggalan dalam arus modenisasi global. Oleh hal yang demikian, kita perlu merancang pembangunan modal insan untuk memenuhi keperluan dan pekerjaan masa hadapan termasuk pekerjaan yang belum wujud pada ketika ini.

Pada hemat saya, masyarakat Malaysia hari ini bukan hanya perlu memanfaatkan teknologi terkini tetapi turut menjadi penyumbang kepada kemajuan teknologi tersebut. Sehubungan itu, bagi melahirkan generasi penyumbang kepada kemajuan teknologi sejagat, minat terhadap bidang STEM dalam kalangan generasi muda perlu terus dipertingkatkan.

Untuk mencapai hasrat ini, para pelajar pada peringkat sekolah rendah perlu menguasai bidang STEM bagi menghadapi cabaran pekerjaan pada masa akan datang dan merealisasikan aspirasi Transformasi Negara 2050 (TN50) untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi.

Ke arah itu, YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2018 telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM25 juta bagi penubuhan Pusat STEM Nasional. Pusat ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membentuk kaedah pembelajaran terkini serta mengetengahkan Pengajaran dan Pembelajaran Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE) bagi melatih para guru supaya lebih bersemangat dan menjiwai STEM.

Inisiatif yang dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) antara MOSTI dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini dijangka memberi manfaat kepada 138,330 orang guru STEM dan lebih lima juta orang pelajar di seluruh negara.

Di samping itu, MOSTI turut bekerjasama dengan pelbagai kementerian khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan Pelan Tindakan Strategik STEM Nasional 2018-2025.

Pelan ini disediakan untuk memperkasakan ekosistem STEM negara melalui penetapan strategi dan pelan tindakan menyeluruh yang melibatkan akademik, guru, pelajar, dan pelbagai peringkat masyarakat. Pelan ini sedang dalam proses mendapatkan kelulusan untuk dilaksanakan.

Selain itu, saya juga percaya, bagi memupuk budaya kecemerlangan yang berterusan dalam bidang STI, sumbangan dan pencapaian para saintis, penyelidik dan juruteknologi dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara perlu diberi pengiktirafan.

Sehubungan itu, bagi menghargai sumbangan dan pencapaian tersebut, tiga anugerah telah disampaikan kepada para pemenang semasa Majlis Pelancaran Minggu Sains Negara 2018 yang diadakan di Pusat Sains Negara pada 3 April yang lalu.

MOSTI buat pertama kalinya mempertandingkan anugerah baharu iaitu Anugerah Khas STEM sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan individu atau organisasi yang signifikan dalam bidang STEM dan STI.

Anugerah Khas STEM terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori 'techprogram' yang dimenangi Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) manakala kategori pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dimenangi Persatuan Sains, Teknologi dan Inovasi (ASTI) dan kategori media dimenangi Majalabsains.com.

Dua anugerah lagi ialah Anugerah Saintis Muda Negara bagi mengiktiraf pencapaian saintis muda di bawah 35 tahun dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan Anugerah Juruteknologi yang mengiktiraf sumbangan juruteknologi serta kakitangan separuh ikhtisas.

MOSTI menganugerahkan Anugerah Saintis Muda Negara kepada Pensyarah Kanan, Universiti Sains Malaysia, Dr. Oon Chern Ein yang menjalankan kajian berkaitan rawatan kanser, manakala Anugerah Juruteknologi Negara dianugerahkan kepada Penolong Pegawai Penyelidik, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Puan Wan Saridah Wan Omar yang menjalankan kajian berkaitan peningkatan nilai sawit melalui pembangunan produk hiliran.

Dalam pada itu, golongan saintis negara yang telah menabur bakti dan mengharumkan nama negara dalam bidang sains juga wajar diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Dalam hubungan ini, saya bercadang untuk memperkenalkan anugerah pengiktirafan khas kepada mereka. Perkara ini akan diperincikan lagi dan akan diumumkan setelah diluluskan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah-sekolah, institusi pendidikan tinggi, NGO, industri, pihak media dan pihak-pihak lain yang telah bekerjasama dengan MOSTI dalam menjayakan sambutan Minggu Sains Negara 2018 di seluruh negara.

Tahniah kepada semua yang terlibat kerana berjaya membawa anjakan baharu dalam pembangunan bidang STI negara.

"Saya juga berharap usaha dan kerjasama ini akan diteruskan dan dipertingkatkan dalam penganjuran Minggu Sains Negara pada tahun-tahun akan datang dan seterusnya menjayakan gerakan 'Negaraku Berinovasi'," katanya.

-- BERNAMA

Farmasia dan NDKare rawat luka diabetes

Oleh **KHAIRUNNISA SULAIMAN**
nisa.sulaiman@utusan.com.my

PESAKIT diabetes yang mengalami luka menjadi berbahaya dan boleh menyebabkan pemotongan anggota terutama di bahagian kaki jika tidak dirawat dengan baik dan tanpa mengawal kandungan gula dalam darah.

Bagi mengatasi masalah berkenaan, Farmasia Sdn Bhd dengan Nucleus Dynamics Pte Ltd (NDKare) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoA) baru-baru ini. Farmasia Sdn Bhd adalah penerima Malaysian Technology Development Corporation Business Startup Fund (BSF).

MoA berkenaan bertindak sebagai landasan bagi anjakan paradigma dalam industri penjagaan kesihatan di mana syarikat peralatan perubatan dan gabungan syarikat teknologi canggih membawa nilai kepada peningkatan penjagaan pesakit, meningkatkan penjagaan kesihatan dan menggalakkan kerjasama antara pelbagai disiplin di dalam komuniti penjagaan kesihatan.

Kedua-dua Farmasia dan Nucleus Dynamics akan bersama-sama membangunkan dan mengkomersialkan penyelesaian inovatif digital untuk pengamal penjagaan luka termasuk menyokong kelengkapan yang signifikan dalam penilaian rawatan luka.

Ini akan memberikan hasil penjagaan kesihatan yang terbaik dan pengalaman pesakit serta meningkatkan produktiviti dengan menggunakan teknologi terkini.

NDKare adalah penyelesaian pengurusan luka Point-of-Care berasaskan peralatan mudah alih pintar yang menggunakan teknologi pintar pemrosesan imej terkini untuk mengatasi cabaran dalam industri penjagaan luka, membolehkan dokumentasi luka semudah merakam gambar dan menghubungkan pesakit, pembekal penjagaan kesihatan dalam satu platform yang sama.

Dengan industri NDKare, industri penjagaan kesihatan boleh menikmati peningkatan dalam produktiviti dan ketepatan, meningkatkan hasil kesihatan, mengurangkan kos penjagaan, meningkatkan pengalaman pesakit dan sama-sama menjaga pesakit



NORHALIM YUNUS (kiri) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian persefahaman diantara **Zohrah Razak** (dua dari kiri) dan **Jasper Tan** (tiga dari kiri), bertempat di Hotel Double Tree.

Farmasia adalah syarikat yang komited untuk membantu meningkatkan pengalaman pesakit dan meningkatkan hasil penjagaan kesihatan dalam masa yang sama mengekalkan persaingan dalam memberikan nilai untuk wang, produk berkualiti dan hasil klinikal yang berkesan untuk pelanggan.

menggunakan disiplin berbeza.

NDKare terdiri daripada NDKare App, NDKare Online Dashboard, NDKare Wound Reprt dan NDKare Wound Analytics di mana boleh digunakan dalam mana-mana tetapan klinikal yang menguruskan luka.

Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus berkata, kerjasama antara dua negara akan termasuk pemindahan teknologi berpotensi dan kerjasama perniagaan.

Farmasia, syarikat penerima MTDC telah mengembangkan usaha mereka kepada pasaran global dengan produk Dr. Wound dan Atroxene Flex.

Pengarah Farmasia Sdn Bhd, **Zohrah Razak** berkata, perkongsian berkenaan adalah peralihan paradigma untuk industri dan memberikan kesan sosial kerana gabungan kepakaran mereka

dalam rawatan penjagaan luka dan teknologi inovasi untuk meningkatkan hasil penjagaan kesihatan dalam industri perubatan.

Ini adalah komitmen mereka untuk penjagaan pelanggan dan menjadikan kesan terbaik pada kehidupan pesakit di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Nucleus Dynamics, Jasper Tan berkata, kepintaran buatan dan hubungan teknologi perubatan telah mengubah bagaimana pembekal penjagaan kesihatan mendiagnosis dan merawat pesakit.

"Farmasia adalah syarikat yang komited untuk membantu meningkatkan pengalaman pesakit dan meningkatkan hasil penjagaan kesihatan dalam masa yang sama mengekalkan persaingan dalam memberikan nilai untuk wang, produk berkualiti dan hasil klinikal yang berkesan untuk pelanggan."

"Kami teruja mengenai kerjasama berkenaan," katanya.

Presiden Malaysian Society of Wound Care Professionals kata, kajian yang melibatkan 62 pesakit (153 imej luka) menggunakan apps NDKare menunjukkan dokumentasi tepat penyembuhan luka dalam terma saiz dan parameter penting.

"Tambahan pula, selepas beberapa tempoh, kami berusaha menjimatkan lebih RM100,000 dengan mengurangkan masa yang digunakan untuk dokumentasi."

"Kerjasama berkenaan antara rawatan penyembuhan luka dengan imej digital canggih adalah satu pencapaian hebat."

"Sebagai ahli masyarakat, kami menyokong apa-apa pencapaian dalam pengurusan luka," katanya.